

Ramai guru naik pangkat

BH M/S B7 20.3.07

Ketua Pengarah Pelajaran beri jaminan struktur JPN wujud banyak jawatan

Oleh Azrul Affandi Sobry

KUALA LUMPUR: Kemasukan Pegawai Tadbir Diplomatik (PTD) ke Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) langsung tidak akan menjejaskan peluang kenaikan pangkat di kalangan guru malah mampu memantapkan lagi pengurusan sedia ada.

Pada masa sama, langkah itu yang dibuat sebagai sebahagian penstrukturan semula JPN, dapat membuka peluang kenaikan pangkat lebih besar untuk pendidik selain menambah baik pengurusan dan pentadbiran.

Ketua Pengarah Pelajaran, Datuk Dr Ahamad Sipon, berkata kemasukan PTD ke JPN dibuat selepas penilaian mendalam kerana kementerian berpendapat sektor berkenaan wajar digerakkan mereka yang lebih berkemahiran dalam hal pengurusan.

"Bagaimanapun, kita memastikan langkah itu tidak menyekat peluang kenaikan pangkat guru kerana penstrukturan semula JPN turut memabihkan pewujudan banyak jawatan baru dengan penambahan beberapa sektor baru," katanya kepada *Berita Harian*, di sini, kelmarin.

Ahamad Sipon berkata, antara sektor pengurusan yang akan kekal dipegang oleh guru berkelayakan ialah unit pembangunan dan bekalan, latihan dan kemajuan staf serta kenaikan pangkat yang menggabungkan kemahiran guru dengan PTD.

Beliau berkata, jika dinilai secara terperinci rangkaian unit di bawah sektor Pengurusan dan Pembangunan, kebanyakannya lebih sesuai diuruskan oleh PTD yang mahir dalam hal berkenaan dan kurang sesuai diuruskan guru.

"Sebagai contoh, unit kewangan dan akaun sewajarnya diuruskan oleh pegawai yang mahir dengan pengurusan kewangan seperti akauntan, jadi kita merasakan merekalah yang layak memegang jawatan itu.

"Sama juga kesnya dengan unit tata tertib, penilaian kemampuan, pentadbiran am dan perjawatan serta perkhidmatan. Unit ini perlu diuruskan oleh mereka yang mahir dengan urusan fail.


"Kementerian tidak menafikan kerja ini boleh dilakukan oleh guru tetapi adalah lebih mantap dan berkesan jika ia dikendalikan oleh mereka yang pakar dalam bidang itu," katanya.

Ahamad Sipon berkata, bagaimanapun bukan semua unit di bawah sektor Pengurusan dan Pembangunan diserahkan kepada PTD kerana beberapa sektor yang berkaitan urusan pendidikan dikendalikan oleh pegawai DG.

Beliau diminta mengulas kenyataan Presiden Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP), Anuar Ibrahim yang ingin menghantar memorandum kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk membantah kemasukan PTD ke JPN.

INFO

Carta Organisasi Jabatan Pelajaran Negeri Gred A



"Kalau mereka (NUTP) hendak menghantar apa-apa memorandum, itu terpulung kepada mereka kerana mereka tidak termaktub dalam mana-mana peraturan yang meminta mereka melalui saluran kementerian sebelum membuat sebarang keputusan.

"Tetapi bagi pihak kementerian, kelulusan berkenaan perkara itu sudah diperolehi dan kemasukan PTD ke JPN akan berlaku pada bila-bila masa selepas jawatan itu dikosongkan oleh ketua sektor yang sedia ada," katanya.

Bagaimanapun, katanya, kaedah pengosongan jawatan itu tidak akan menganiaya mana-mana pihak kerana ketua sektor sedia ada hanya akan digantikan jika bersara, dinaikkan pangkat sebagai Timbalan Pengarah atau ditukarkan.

Beliau berkata, selepas perbincangan semula, kementerian mengambil keputusan Sektor Khidmat Pengurusan dan Pembangunan itu diletakkan di bawah kuasa dan kawalan Timbalan Pengarah Pelajaran dan bukan terus di bawah Pengarah Pelajaran.

Mengenai permintaan NUTP supaya semua pengarah diberi gred Jawatan Utama Sektor Awam (JUSA), beliau berkata, kementerian pada dasarnya memang sudah memohon kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

"Bagaimanapun, apa yang diluluskan JPA tidak menepati apa yang kami minta, tetapi kami yakin permohonan berterusan yang dibuat kementerian akan memberi peluang positif untuk penambahan beberapa jawatan pada masa akan datang," katanya.